

18/02/2001

Pemuda jelajah negara kumpul masalah rakyat

ALOR STAR: Program Pergerakan Pemuda Umno menjelajah seluruh negara bagi mengumpulkan maklumat mengenai masalah rakyat akan dimulakan dengan projek pertama menjadikan keluarga nelayan sebagai anak angkat, 26 Februari ini.

Program sulung itu akan menyaksikan Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishamuddin Tun Hussein dan Exco Pemuda menjadi anak angkat keluarga nelayan di Kampung Baru Kuala Abang, Dungun Terengganu, selama dua hari, bermula dari tarikh itu.

Setiausahanya, Zulkifli Alwi berkata, sementara Hishamuddin dan Exco Pemuda menyertai program itu, Exco Pemuda yang lain dan pemimpin Pemuda pada peringkat bahagian serta cawangan akan menjelajah ke seluruh pelosok negara untuk mendengar keluhan hati rakyat.

Melalui usaha pemimpin Pemuda Umno bertemu petani, nelayan, peneroka Felda, penternak dan seumpamanya itu, Pemuda bukan setakat mendengar masalah mereka, malah merangka strategi untuk mengatasinya.

"Semua maklumat ini akan kami kumpulkan untuk diberikan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Pemuda Umno ikhlas dalam memperbaiki kelemahan yang wujud antara parti dengan masyarakat pada peringkat akar umbi," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mewakili Hishamuddin berdialog dengan petani dan menyampaikan bantuan kepada 20 petani di Kampung Permatang Limau, mukim Lesong, Pokok Sena, dekat sini semalam.

Zulkifli berkata Pemuda memang sedar wujudnya jurang yang memisahkan antara parti dengan rakyat dan program Pemuda turun padang ini bertujuan untuk memperbetulkan tanggapan yang silap di kalangan rakyat disebabkan mereka terpengaruh dengan pembangkang.

"Pemuda mengenal pasti kelompok masyarakat yang perlu didekati bagi membolehkan kami memperoleh gambaran yang lebih jelas mengenai masalah mereka," katanya.

(END)